

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# 100 kes baharu peningkatan mendadak

85 penularan tempatan,  
15 jangkitan import

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes baharu COVID-19 mencatatkan peningkatan mendadak iaitu 100 kes dilaporkan semalam, membabitkan 85 kes penularan tempatan dan 15 kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi penularan tempatan, 62 kes dikesan daripada Kluster Lahad Datu (LD), manakala 23 kes lagi dikesan dalam Kluster Sungai.

Katanya, dengan pertambahan kes itu ia menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini sebanyak 9,559 kes dengan jumlah kes aktif iaitu 295 kes.

"Kluster LD mencatatkan 62 kes baharu iaitu 37 kes membabitkan Orang Kena Tahan (OKT) di Ibu

Pejabat Daerah Lahad Datu manakala 25 kes lagi membabitkan OKT di Penjara Tawau.

"Bagi 23 kes dalam Kluster Sungai pula, 22 kes membabitkan individu di Kedah dan seorang di Perlis. Memperincikan mengenai kes baharu dalam kluster ini, seramai 16 petugas kesihatan termasuk seorang daripadanya (petugas kesihatan) menjangkiti tujuh ahli keluarga yang lain.

"Secara keseluruhannya, penularan tempatan membabitkan 55 rakyat Malaysia dan 30 warga asing," katanya pada sidang media COVID-19, di sini, semalam.

Bagi kes import mendapat jangkitan dari luar negara, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan dua rakyat Malaysia dan 13 warga asing.

"Terdapat 11 kes mendapat jangkitan dari India, dua kes dari Indonesia dan masing-masing satu kes dari Pakistan dan Filipina. Sehingga kini seramai tujuh individu sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan empat daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Bagi kes sembuh, Dr Noor Hisham memaklumkan 12 kes di-



**Kerajaan memutuskan untuk memperketatkan kemasukan Pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang dari 23 negara untuk memasuki negara ini.**

**Dr Noor Hisham Abdullah,**  
Ketua Pengarah Kesihatan

laporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, menjadikan jumlah kes sembuh di negara ini sebanyak 9,136 kes, bersamaan 95.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian semalam dan jumlahnya kekal 128 kes iaitu 1.34 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kerajaan memutuskan untuk memperketatkan kemasukan Pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang dari 23 negara untuk memasuki negara ini su-

sulan peningkatan kes secara mendadak.

Beliau berkata, semua negara yang disekat itu mencatatkan kumulatif kes positif COVID-19 melebihi 150,000 kes.

Katanya, ini antara langkah bagi memperketatkan dan mempertingkatkan kawalan sempadan serta pihaknya akan meneruskan penilaian risiko berdasarkan situasi semasa COVID-19 di seluruh dunia.

"Senarai terkini negara yang diperketatkan kemasukan akan diumumkan kerajaan dari semasa ke semasa," katanya.

**'Masyarakat mungkin sudah alpa tak endah SOP'**

**Putrajaya:** Nilai kadar kebolehan jangkitan atau R naught (RO) meningkat 1.72 ketika ini berbanding 0.72 pada dua minggu lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata peningkatan secara ketara ini memberi gambaran risiko berlaku lebih banyak transmisi dalam komuniti.

Beliau berkata, masyarakat kini mungkin sudah alpa dan tidak mengendahkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, menyebabkan nasihat diberikan pihaknya mula diambil ringan termasuk oleh petugas barisan hadapan dan agensi lain.

"Petugas barisan hadapan sememangnya mempunyai risiko tinggi dijangkiti penyakit COVID-19 atau lain-lain penyakit berjangkit ketika di fasiliti kesihatan.

"Misalnya, hari ini (semalam) seorang anggota kesihatan daripada Kluster Sungai didapati sudah menjangkiti tujuh orang ahli keluarganya. Mengambil iktibar daripada kejadian ini, Kementerian menggesa semua petugas kesihatan, petugas barisan hadapan pelbagai agensi dan semua lapisan masyarakat mengambil serius situasi COVID-19 dalam negara.

"Susulan itu, pematuan 100 peratus terhadap garis panduan dan tatacara pengurusan ketika bertugas amat penting," katanya dalam sidang media COVID-19, di sini, semalam.

## 'Elak laga tangan kurangkan risiko jangkitan'

**Kuala Lumpur:** Trend orang ramai ketika ini melakukan 'fist bump' atau menggenggam dan melagakan tangan apabila berjumpa perlu dielak untuk mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19, kata Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

Beliau berkata, orang ramai dinasihatkan berhati-hati kerana perbuatan itu membabitkan sentuhan fizikal yang tidak digalakkan Kementerian Kesihatan (KKM). "Jangan bersalaman dan bersentuhan termasuk lagakan anggota badan, namun kini saya lihat trend bukan sahaja melakukan begini (fist bump), tetapi genyeh lagi, adakah kita mencuci tangan selepas itu.

"KKM hanya anjur hormat dengan meletak tangan di dada dan tunduk hormat, jadi saya lihat trend sedang berlaku kini tidak

baik dan saya sarankan supaya berhati-hati," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Negara, semalam.

Dr Noor Azmi menjawab soalan tambahan Senator Lim Pay Hen yang bertanyakan perancangan kerajaan menghadapi wabak COVID-19 yang dijangka oleh saintis akan berlanjutan dua tahun lagi, termasuk dari segi perjawatan pegawai perubahan.

Mengulas perkara itu, beliau berkata, Malaysia terbukti sebagai antara negara yang berjaya mengawal dan mengurus wabak itu dengan baik sehingga diiktiraf dunia, malah kerajaan akan melipatgandakan usaha itu.

"Kita akan terus memantau perkembangan wabak ini dari semasa ke semasa kerana kita masih belum mengenalinya, senjata yang kita ada ada ketika ini hanya pelitup muka dan sanitasi tangan,

selain penjarakan fizikal," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Azmi berkata, saringan pengesanan COVID-19 setakat ini hanya dilakukan, terhadap individu bergejala dan berisiko tinggi, serta buat masa ini tiada cadangan memberikan perkhidmatan itu secara berkala dan percuma kepada guru sekolah.

"Kerajaan sudah membangunkan prosedur operasi standard (SOP) dalam pelbagai subsektor termasuk sektor pendidikan, justeru pematuan pada SOP ini penting bagi memastikan tiada penularan jangkitan COVID-19 di sekolah," katanya menjawab soalan Senator Robert Lau Hui Yew yang bertanyakan, sama ada kerajaan bersedia memberikan perkhidmatan ujian percuma dan berkala kepada guru sekolah.

BERNAMA



Perbuatan menggenggam dan melagakan tangan apabila bertemu seseorang perlu dielak untuk mengurangkan risiko penularan pandemik  
(Foto Hasriyasyah Sabudin/BH)

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 11  
RUANGAN : LOKAL

08  
September  
2020

PECAHAN KES BAHARU JANGKITAN  
COVID-19 MALAYSIA  
DETAILS OF NEW CASES COVID-19 MALAYSIA



KKM semalam mengumumkan 100 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes yang positif sebanyak 9,559 kes.



Oleh Shamran Sarahan,  
Raja Noraina Raja Rahim  
dan Nurul Hidayah  
Bahaudin  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Jangkitan kes baharu Covid-19 yang dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) melonjak lagi dengan merekodkan 100 kes semalam, menjadikan jumlah kumulatif 9,559 jangkitan wabak itu dalam negara.

Bibit peningkatan kes baharu itu bermula kelmarin dan kali terakhir negara merekodkan kes tertinggi pada angka tiga digit dilaporkan 94 hari lalu, pada 4 Jun, dengan mencatatkan 277 kes hari itu.

Ketua Pengarah Kesihatan

## Kembali pada angka 3 digit

Catat 100 kes baharu semalam menjadikan jumlah kumulatif 9,559 jangkitan wabak

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 100 kes baharu dilaporkan itu, 85 kes adalah kes tempatan, manakala baki 15 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Beliau berkata, 85 kes penularan di dalam negara membabitkan 55 warga Malaysia dan 30 bukan warganegara.

"Sebahagian besar kes dilaporkan membabitkan Kluster Benteng di Sabah dengan 62 kes, iaitu 32 jangkitan membabitkan warga Malaysia, manakala 30 lagi bukan warganegara.

"Selain itu, 22 kes lagi membabitkan warga Malaysia dari Kluster Sungai di Kedah dan satu lagi kes dari kluster sama di Perlis," katanya dalam sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, kes import yang direkodkan semalam, membabitkan India (enam kes di Selangor, empat kes Kuala Lumpur, satu kes di Negeri Sembilan), Indonesia (dua kes di Selangor), Pakistan (satu kes di Selangor) dan Filipina (satu kes di Kuala Lumpur).

Terdahulu, Dr Noor Hisham berkata, ada 12 kes pulih dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes pulih meningkat kepada 9,136 kes.

Oleh itu, katanya, kes aktif dengan kebolehan jangkitan Covid-19 yang direkodkan membabitkan 295 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan di hospital.

"Ada tujuh kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan empat daripadanya

memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada pertambahan kes kematian dilaporkan hari ini (semalam), justeru, jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 di Malaysia kekal 128 kes, 1.34 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi infografik yang dimuat naik di laman Facebook rasminya melaporkan, Lahad Datu dalam senarai zon merah dengan mencatatkan 87 kes.

KKM turut memaklumkan, sebanyak 96 kluster sudah ditamatkan, terbaharu Kluster DTI Bukit Jalil diisytiharkan tamat dengan 653 kes dilaporkan dan ia kluster kedua terbesar di Malaysia selepas Kluster Seri Petaling.

## Patuhi SOP pada PRN

**Kuala Lumpur:** Risiko jangkitan Covid-19 akan meningkat sekiranya masyarakat Sabah tidak mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) ketika Pilihan Raya Negeri (PRN).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, semua pihak termasuk petugas kesihatan di Sabah tidak terkecuali dalam mengamalkan SOP ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"KKM mengingatkan kepada mereka untuk patuh SOP sama ada petugas kesihatan atau bukan petugas kesihatan serta masyarakat.

"Kalau ada perhimpunan, tiada penjarakan fizikal, tidak memakai mask (pelitup muka) dan tak mencuci tangan jadi risiko jangkitan

akan meningkat," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Noor Hisham menasihati masyarakat sentiasa mengamalkan 3W iaitu kerap cuci tangan dengan air dan sabun, pakai pelitup muka serta patuh amaran daripada KKM.

Katanya, perkara itu sering ditekankan beliau dalam sidang media untuk tidak bersalaman atau berseutuhan dan penjarakan satu meter.

"Kalau ada kes yang positif ada kemungkinan dijangkiti kalau tiada penjarakan satu meter," katanya.

Terdahulu, SPR menetapkan 26 September sebagai tarikh PRN Sabah manakala hari penamaan calon pada 12 September dan hari mengundi awal pada 22 September ini.



DR Noor Hisham pada sidang media harian di Putrajaya, semalam.

## Penduduk Sabah diminta bertenang

**Kota Kinabalu:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) meminta masyarakat di negeri itu bertenang dengan dua perkembangan terkini membabitkan penularan wabak Covid-19 di Lahad Datu dan keputusan injunksi di Mahkamah Rayuan membabitkan kerajaan negeri.

Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Hazani Ghazali berkata, masyarakat diminta tidak menularkan sebarang kenyataan yang boleh menimbulkan kegusaran orang ramai.

Katanya, masyarakat perlu mengekalkan keamanan dan keharmonian bagi memastikan keselamatan masyarakat terpelihara.

"Bagi kes Lahad Datu, saya minta orang ramai tidak tular perkara yang tidak pasti selain terus bertenang dan mendapatkan maklumat sahih daripada pihak berkuasa.

"Saya juga ingin menyen-

tuh sedikit berkenaan injunksi di Mahkamah Rayuan, masyarakat diminta bertenang dan menerima apa saja keputusan yang akan diumumkan," katanya selepas Majlis Penyerahan Kenderaan Peronda Baharu PDRM, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Sabah di sini, semalam.

Pada majlis itu, PDRM Sabah menerima 25 kenderaan MPV baharu Honda Civic 1.8 daripada Bukit Aman.

Hazani berkata, polis akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang cuba mengganggu gugat keamanan di negeri itu.

Ditanya berkaitan persiapan PDRM menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) akan datang, Hazani menegaskan pihaknya bersedia sepenuhnya.

Katanya, semua kawasan yang terbit sudah disusun atur bagi memastikan perjalanan PRN lancar.

## Tetamu majlis Fatin & Azlan perlu tampil

**Georgetown:** Jabatan Kesihatan Pulau Pinang mengesahkan notis tular di media sosial yang individu hadir ke satu majlis akad nikah di Bukit Indera Muda di Seberang Perai Tengah (SPT) pada 29 Ogos lalu untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah.

Pengarah Jabatan Kesi-

hatan Pulau Pinang, Dr Asmayani Khalib ketika dihubungi mengesahkan notis yang tular semalam itu dikeluarkan Pejabat Kesihatan Daerah SPT.

"Pegawai kami sedang menguruskan senarai mereka (yang hadir) itu," katanya.

Menurutnya, hanya itu

maklumat yang pihaknya peroleh setakat ini dan belum dapat mengesahkan berapa ramai tetamu yang hadir ke majlis itu.

Tindakan meminta individu yang hadir menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah SPT dikatakan kerana seorang daripada tetamu positif Covid-19.

Difahamkan, tetamu yang disahkan positif Covid-19 dijangkiti menerusi Kluster Sungai dan kini dirawat di Alor Setar, Kedah.

Berdasarkan notis yang tular itu, tetamu majlis akad nikah (Fatin & Azlan) pada tarikh itu diminta hubungi Bilik Gerakan Pejabat Kesihatan Daerah SPT.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

'Fist bump' tidak disaran KKM kerana ia mampu menyebarkan virus Covid-19.



## Elakkan 'fist bump'

KKM tidak galak tindakan laga tangan babit sentuhan fizikal



Kuala Lumpur

Trend orang ramai ketika ini melakukan *fist bump* atau menggenggam tangan dan melagakan-nya apabila berjumpa perlu dielak untuk mengurangkan risiko penularan wabak Covid-19, kata **Timbalan Menteri Kesihatan 1 Datuk Dr Noor Azmi Ghazali**.

Beliau berkata, orang ramai dinasihat berhati-hati kerana perbuatan itu mem-

babitkan sentuhan fizikal yang tidak digalakkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Jangan bersalaman dan bersentuhan termasuk lagakan anggota badan, namun kini saya lihat trend bukan sahaja melakukan begini (*fist bump*), tetapi ge-nyeh lagi, adakah kita mencuci tangan selepas itu?"

"KKM hanya anjur hormat dengan meletak tangan di dada dan tunduk hormat, jadi saya lihat trend yang sedang berlaku ini tidak baik dan saya sarankan supaya berhati-hati," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Negara, semalam.

Dr Noor Azmi menjawab soalan tambahan **Senator**

**Lim Pay Hen** yang bertanya perancangan kerajaan hadapi wabak Covid-19 yang dijangka oleh saintis akan berlanjutan dua tahun lagi termasuk dari segi perjawatan pegawai perubatan.

Mengulas perkara itu, beliau berkata, Malaysia terbukti sebagai antara negara yang berjaya mengawal dan mengu-  
rus wabak itu dengan baik sehingga diiktiraf dunia dan kerajaan melipatgandakan

akan usaha itu.

"Kita akan terus memantau perkembangan wabak ini dari semasa ke semasa kerana kita masih belum mengenalinya, senjata yang kita ada ketika ini hanya pelitup muka dan pensanitasi-

tangan, selain penjarakan fizikal," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Azmi berkata, saringan pengesanan Covid-19 setakat ini hanya dilakukan terhadap individu bergejala serta berisiko tinggi dan buat masa ini tiada cadangan untuk memberikan perkhidmatan itu secara berkala dan percuma kepada guru.

"Kerajaan sudah bangunkan prosedur operasi standard (SOP) dalam pelbagai subsektor termasuk sektor pendidikan, justeru pematuhan pada SOP ini adalah penting bagi memastikan tiada penularan jangkitan Covid-19 di sekolah," katanya menjawab soalan **Senator Robert Lau Hui Yew** yang bertanya sama ada kerajaan bersedia memberikan perkhidmatan ujian percuma dan berkala kepada guru sekolah. - Bernama

## 72 individu ingkar arahan PKPP kena tahan

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan 72 individu kerana ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), kelmarin.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu seramai 70 individu di-kompaun, seorang direman manakala satu lagi individu dijamin.

"Antara kesalahan ingkar arahan PKPP termasuk tidak memakai pelitup muka (20), gagal menyediakan peralatan/catitan keluar masuk (24), premis beroperasi lebih masa (1), penjarakan fizikal (26) dan lari dari pusat kuarantin (1).

"Pasukan Khas Operasi Pematuhan yang diketuai PDRM juga membuat 58,047 pemeriksaan semalam bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) PKPP," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, menerusi Op Benteng yang dilaksanakan seramai empat tekong dan 25 pendatang asing tanpa izin (Pati) ditahan.

"Selain itu, sebanyak 79 sekatan jalan raya juga dilaksanakan.

"Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak cuba memasuki sempadan



Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak cuba memasuki sempadan negara secara haram"

Ismail Sabri Yaakob

dan negara secara haram dan agensi penguatkuasa akan terus menegakkan kawalan kawasan sempadan terutamanya di lorong tikus," katanya.

Berkaitan kuarantin wajib, Ismail Sabri berkata, sejak 24 Julai lalu sehingga kelmarin, 24,961 individu pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan ditempatkan di 70 hotel dan empat Institut Latihan Awam (ILA) di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sarawak, Kelantan, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, Sabah serta Labuan.

"Daripada jumlah itu, 9,887 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib manakala 66 individu dihantar ke hospital untuk rawatan.

"Seramai 15,008 individu sudah discaj dan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing," katanya.

## Pandemik tak 'bunuh' industri pelancongan negara

**Putrajaya:** Pandemik Covid-19 tidak 'membunuh' industri pelancongan negara berikutan 4,252,997 pelancong tiba ke negara ini pada separuh tahun pertama 2020.


Walaupun berlaku penurunan sebanyak 68.2 peratus, berbanding 13.3 juta pelancong yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu namun kedatangan pelancong asing masih berlaku.

Tourism Malaysia dalam kenyataannya berkata, perbelanjaan pelancong dalam tempoh berkenaan (Januari-Jun 2020) direkodkan adalah sebanyak RM12.5 bilion.


Ini menunjukkan penurunan sebanyak 69.8 peratus berbanding RM41.6 bilion bagi tempoh sama tahun lalu.

"Perbelanjaan per kapita turut mencatat penurunan

PELANCONG ANTARABANGSA KE MALAYSIA PADA SEPARUH TAHUN PERTAMA 2019/2020



PERBELANJAAN PELANCONG



sebanyak 5.3 peratus dari RM3,121.60 pada tahun lalu kepada RM2,956.10 pada tahun ini," kata agensi penggalakan pelancongan


itu semalam.

Tourism Malaysia berkata sepuluh pasaran utama pelancongan antarabangsa ke Malaysia adalah Singapura

SEPULUH PASARAN UTAMA PELANCONGAN ANTARABANGSA KE MALAYSIA

|                  |           |
|------------------|-----------|
| 1. Singapura     | 1,541,820 |
| 2. Indonesia     | 702,082   |
| 3. China         | 401,285   |
| 4. Thailand      | 348,133   |
| 5. India         | 153,873   |
| 6. Brunei        | 135,593   |
| 7. Korea Selatan | 118,594   |
| 8. Jepun         | 73,201    |
| 9. Australia     | 72,103    |
| 10. Filipina     | 64,311    |

PERBELANJAAN PER KAPITA



(1,541,820), Indonesia (702,082), China (401,285), Thailand (348,133), India (153,873), Brunei (135,593), Korea Selatan (118,594), Je-

pun (73,201), Australia (72,103) dan Filipina (64,311).

Menurutnya, ketibaan pelawat harian di Malaysia pula mencatatkan sejumlah 1,712,140 pelancong dari Januari hingga Jun 2020, menurun 64.2 peratus berbanding 4,782,587 orang yang melawat Malaysia bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Penurunan yang ketara bagi jumlah ketibaan pelancong dan pelawat harian ini adalah disebabkan faktor penutupan pintu sempadan Malaysia berikutan penularan pandemik Covid-19," katanya.

Selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan virus Covid-19 sebagai satu pandemik pada 11 Mac lalu, kerajaan Malaysia menguat-

kuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melarang kemasukan pelancong antarabangsa sejak 18 Mac lalu.

Menurut Tourism Malaysia, kesan pandemik kepada sektor pelancongan turut dilihat di luar sempadan Malaysia, dengan negara Asean lain juga merekodkan penurunan mendadak dari segi pencapaian pelancongan.

Menurut sumber dari Pacific Asia Travel Association (PATA), negara jiran termasuk Thailand, Singapura, Vietnam dan Indonesia mencatatkan pertumbuhan negatif disebabkan larangan perjalanan antarabangsa yang dikuatkuasakan dalam usaha membendung penularan pandemik di negara masing-masing, katanya.

**RUANGAN : NEGARA**

Oleh NOR IDAYU BOSRO

"Sebanyak empat operasi dibuat di Pulau Pinang, Sabah (dua) dan masing-masing satu di Sarawak, Melaka dan Kedah," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN : -



## Dua hari menakutkan

Oleh HASIF IDRIS

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Selama dua hari berturut-turut, perkembangan kes positif Covid-19 mencatatkan pertambahan yang membimbangkan apabila sebanyak 100 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan semalam dan 62 kes kelmarin.

Peningkatan mendadak itu bukan sahaja menggusarkan kerajaan yang sudah melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga hujung tahun ini, malah menjadikan keseluruhan kes sebanyak 9,559 dengan jumlah kes aktif kebolehhangkitan Covid-19 adalah sebanyak 295 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 15 adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu dari India, Indonesia, Pakistan dan Filipina melibatkan dua rakyat tempatan manakala 13 kes melibatkan bukan warganegara.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN : -

## Kluster Sungai jangkit staf KMC

**ALOR SETAR:** Kedah Medical Centre (KMC) giat menjalankan pembersihan dan sanitasi membabitkan bilik pembedahan di pusat perubatan itu ekoran jangkitan Covid-19 membabitkan dua kakitangannya.

Pusat perubatan swasta itu dalam kenyataan semalam menjelaskan, KMC terpaksa menjadualkan semula semua pembedahan sejak 6 September lalu.

"Perkhidmatan lain termasuk pesakit luar dan rawatan di wad diteruskan seperti biasa," katanya.

Dalam kenyataan tersebut, KMC mengesahkan dua kakitangannya dijangkiti Covid-19 setelah ujian saringan dijalankan ke atas mereka pada 5 September.

"Kes indeks adalah kakitangan KMC yang mempunyai gejala Covid-19 sementara kes kedua mempunyai kontak dengan mereka.

"Kedua-duanya disahkan positif dan kes diserahkan kepada Kementerian Kesihatan (KKM)," ujarnya.

Tambah beliau, KMC berterusan melaksanakan pembersihan



**KMC di Alor Setar mengesahkan dua kakitangannya dijangkiti Covid-19.**

dan sanitasi di seluruh kawasan terjejas di pusat perubatan itu.

"Selain itu KMC juga mengambil langkah sepatutnya dengan mengenal pasti semua kontak pesakit itu," katanya.

KKM semalam memaklum-

kan bahawa kluster baharu iaitu Kluster Sungai dikenal pasti di sebuah pusat perubatan di Kedah.

Kluster Sungai merupakan kluster keenam yang dikesan di Kedah sejak 28 Julai lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# 100 kes baharu direkodkan

62 kes melibatkan Kluster Benteng LD di Lahad Datu dan Tawau, Sabah

Oleh TUAN BUHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

**A**ngka kes harian positif Covid-19 terus melonjak kepada tiga digit apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 100 kes baharu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 15 kes import dan 85 kes penularan dalam negara.

"Kementerian mengesan 62 kes penularan dalam negara melibatkan Kluster Benteng LD di Lahad Datu dan Tawau, Sabah," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Menurutnya, KKM turut mengesan 23 kes dalam kalangan Kluster Sungai yang melibatkan petugas kesihatan sebuah pusat perubatan swasta.

"Bagi kes import, ia dikesan mendapat jangkitan di India, Indonesia, Pakistan dan Filipina," kata beliau.

Beliau berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keselu-



DR NOOR HISHAM

ruhan kes positif adalah 9,559 kes.

"Jumlah kes aktif pula adalah 295 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, pesakit yang dirawat di unit rawatan rapi bertambah kepada tujuh kes.

"Sebanyak 12 kes telah pulih dan dibenar discaj dan jumlah

kumulatif kes pulih adalah 9,136 kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, meskipun mencatatkan peningkatan ketara di dalam Kluster Benteng LD, namun kes jangkitan Covid-19 adalah terkawal.

"Ia berlaku di dalam lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu dan Tawau, bukan berada dalam masyarakat," katanya.

Dr Noor Hisham tegur masyarakat dan petugas barisan hadapan mula alpa

**PUTRAJAYA** - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menegur sikap masyarakat dan petugas barisan hadapan yang dilihat semakin alpa terhadap kehadiran coronavirus (Covid-19) dalam komuniti.

Menurutnya, nasihat yang telah diberikan mula diabaikan.

"Ini termasuk oleh petugas barisan hadapan dalam kalangan petugas kesihatan dan agensi lain," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di kementerian di sini semalam.

Beliau berkata, sikap tersebut telah menyumbang kepada peningkatan nilai kebolehjangkitan (R0) Covid-19.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa nilai R0 telah meningkat kepada 1.72 berbanding dua minggu lalu iaitu 0.72. Nilai R0 tersebut telah melebihi paras kritikal

yang ditetapkan iaitu 1.6.

"Peningkatan ketara ini memberi gambaran situasi risiko berlakunya lebih banyak transmisi di dalam komuniti," katanya.

Menurutnya, petugas barisan hadapan sememangnya mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti Covid-19 atau lain-lain penyakit berjangkit ketika di fasiliti kesihatan.


Katanya, mengambil contoh anggota kesihatan daripada Kluster Sungai didapati menjangkiti tujuh orang ahli keluarganya.

"Mengambil iktibar daripada kejadian ini, KKM gesa semua petugas kesihatan, petugas barisan hadapan pelbagai agensi dan juga semua lapisan masyarakat untuk mengambil serius situasi Covid-19 di dalam negara.

"Ambil langkah berjaga-jaga untuk menjaga diri kita dan keluarga kita pada setiap masa," katanya.

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**




**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI**

JUMLAH KESELURUHAN: **9,559** | PULIH: **9,136** | ICU: **7** | KEMATIAN: **128** | KES BAHARU: **+100**

\*Dikemas kini pada jam 7 petang 8 September 2020


Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,459 kes kepada 9,559 kes



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2-3

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2-3

RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

## Kes import

Imported cases



A chart of the breakdown of new Covid-19 cases that was shown at a press conference in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

while Kelantan, Labuan, Kuala Lumpur, Terengganu, Putrajaya, Perak, Negri Sembilan and Johor remain as green zones.

Dr Noor Hisham also touched on the Sungai cluster in Kedah and Perlis, where the 23 remaining cases were recorded.

He said 16 were healthcare personnel and seven others were family members of the staff.

He said the latest development meant that Malaysia's Covid-19 infectivity rate, or R-naught (R0), which is currently at 1.72, had exceeded the critical mark of 1.6.

He said this was a massive change from two weeks ago, when the R0 was at 0.72.

He said the significant R0 increase was reflective of the increase in local transmissions compared with two weeks ago.

He said based on the ministry's assessment, there was an increase in community movement in Malaysia, but the jump in cases was likely due to non-compliance with standard operating procedure (SOP) to curb the virus.

He said the non-compliance involved not just the public, but also frontliners, including healthcare workers.

"Frontliners have a higher risk of being infected with Covid-19 or other infectious diseases while

they are at health facilities, be it at government or private ones.

"Therefore, 100 per cent adherence with the SOP and management guidelines is of vital importance. Failure to do so will result in the further spread of Covid-19."

He cited the Sungai cluster as an example, where a medical staff had infected seven family members.

He urged frontliners and the public to take the rise in cases as a lesson on the importance of taking precautions to protect themselves and their families at all times.

Dr Noor Hisham also addressed the issue of tighter border control measures adopted by the government on the entry of visitors from high-risk countries from Monday.

"The Immigration Department has strengthened entry restrictions for visitors from 23 countries, which include long-term pass holders from countries that have recorded cumulative Covid-19 cases of more than 150,000."

He said the move aimed to enhance border control and the ministry would continue to assess the risks based on the situation of Covid-19 worldwide.

He said new countries added to the list with entry restrictions would be announced by the government from time to time.

## Penang wedding guests urged to get screened

**GEORGE TOWN:** Guests who attended an *akad nikah* (wedding solemnisation) ceremony in Bukit Indera Muda on Aug 29 have been urged to get themselves screened after one guest tested positive for Covid-19.

Those who attended the ceremony are required to contact the Seberang Prai Tengah district health office at 04-539 7884.

A notice on the issue made its rounds on social media yesterday.

Penang Health Department director Dr Asmayani Khalib confirmed that a notice on the issue had been issued by the Seberang Prai Tengah district office.

"My officers are conducting the line listing. They are doing their very best."

She said this was the only information she had for now.

It is not immediately known how many people had attended the ceremony or how many had undergone screenings.

A comment on a post on the matter on social media said the guest confirmed to have Covid-19 caught it from Kedah's Sungai cluster and had been admitted to the Alor Star Hospital.

Dr Asmayani said although the host had prepared a QR code for guests to register themselves dur-

ing the event, some people might not have checked in.

After more than three months of being a green zone, Penang recorded its first Covid-19 case on Aug 7. Since then, nine more cases have been reported, all linked to Kedah's Sivagangga and Tawar clusters and Perak's Kurau cluster.

On Sept 2, Penang became a green zone again after no new cases were reported. This changed again after a new case was confirmed on Sunday.

On Monday, Penang recorded another case, bringing the tally to 138 cases, with two deaths.

AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 10  
 RUANGAN : NATION

## Covid-19: Current situation globally (As at 7pm Sept 8, 2020)

|                 | Malaysia    |           |           |           |           |          |              |         |         |           |        |      | New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|-----------------|-------------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|--------------|---------|---------|-----------|--------|------|-----------|-------------|--------------|-----------------|
|                 |             |           |           |           |           |          |              |         |         |           |        |      | 100       | 9,559       | 128          | 9,136           |
| Asean+          | Philippines | Indonesia | China     | Japan     | Singapore | S. Korea | Thailand     | Myanmar | Vietnam | Cambodia  | Brunei | Laos |           |             |              |                 |
| Confirmed cases | 241,987     | 200,035   | 85,144    | 71,856    | 57,091    | 21,432   | 3,446        | 1,610   | 1,049   | 274       | 145    | 22   |           |             |              |                 |
| Deaths          | 3,916       | 8,230     | 4,634     | 1,363     | 27        | 341      | 58           | 8       | 35      | 0         | 3      | 0    |           |             |              |                 |
| Recovered       | 185,178     | 142,958   | 80,335    | 62,536    | 56,408    | 16,636   | 3,284        | 388     | 853     | 273       | 139    | 21   |           |             |              |                 |
| Global Top 10   | US          | India     | Brazil    | Russia    | Peru      | Colombia | South Africa | Mexico  | Spain   | Argentina |        |      |           |             |              |                 |
| Confirmed cases | 6,485,708   | 4,284,103 | 4,147,794 | 1,035,789 | 691,575   | 671,848  | 639,362      | 637,509 | 525,549 | 488,007   |        |      |           |             |              |                 |
| Deaths          | 193,536     | 72,843    | 127,001   | 17,993    | 29,976    | 21,615   | 15,004       | 67,781  | 29,516  | 10,129    |        |      |           |             |              |                 |
| Recovered       | 3,758,629   | 3,324,060 | 3,355,564 | 850,049   | 522,251   | 529,279  | 566,555      | 446,715 | N/A     | 357,388   |        |      |           |             |              |                 |

## 100 new cases recorded with bulk from Sabah cluster

By JOSEPH KAOS Jr  
 joekaosjr@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Covid-19 cases continue to surge with 100 new infections recorded, making it by far the biggest single-day increase, since the recovery movement control order phase started on June 9.

The bulk of the cases came from the Benteng Lahad Datu (LD) cluster in Sabah which saw 62 new cases involving detainees.

Benteng LD is now the biggest active cluster in the country with 128 cases in the districts of Tawau and Lahad Datu.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the 62 cases, 37 were from the Lahad Datu police headquarters

lock-up while 25 were from Tawau prison.

He said 431 individuals at the Lahad Datu lock-up had been screened so far and 87 had tested positive.

"Another 132 have tested negative and there are still 212 people who have yet to get their results."

"In Tawau, we have screened 1,579 individuals and 41 have tested positive so far."

"Another 425 have tested negative while 1,113 are waiting for their results," he said.

He added that 65 individuals under the cluster were foreigners while the rest were Malaysians.

The total number of active cases in the country has now gone up to 295 cases.

Despite the sudden spike brought by the cluster, Dr Noor Hisham said the cases were "under control" as the transmissions were not spread among the community.

"As of now, the cases are found within the Lahad Datu police lock-up and Tawau prison."

"This is similar to when we had hundreds of cases at the Bukit Jalil Immigration detention depot where the cases were controlled and not in the community," he said.

The Benteng LD cluster emerged on Sept 1 after two illegal immigrants from the Philippines were caught in Ops Benteng – a joint operation by the police, armed forces and other agencies – to catch undocumented foreigners.

The two were detained at the

Lahad Datu police lock-up and later tested positive for the virus.

It then spread to Tawau prison, some 150km away, after some of the detainees who had a travel history to the lock-up had been infected.

Another cluster that saw a rise in cases was the Sungai cluster in Kedah with 23 new cases.

The cluster, which originated from a 39-year-old healthcare worker at a private medical centre, saw more colleagues and family members infected with the virus.

Dr Noor Hisham said seven of the index case's family members, including the woman's husband, two older sisters and four children, all tested positive for Covid-19.

"The remaining positive cases

are mainly her colleagues at the private medical centre, including one who is based in Kangar and classified as a case in the state," he said.

He added that there were 15 new import cases, comprising of arrivals from India (11 cases), Indonesia (two), Pakistan (one) and the Philippines (one).

Cumulatively, the country's total of cases since the outbreak began in January is 9,559.

There was no death while 12 patients were discharged yesterday.

Watch the video  
 thestartv.com



## Health Ministry: No fist bump, please

KUALA LUMPUR: The public is advised not to fist bump, a popular gesture of greeting these days when meeting someone, so as to curb the spread of Covid-19.

The ministry would not encourage this form of physical contact between individuals, said Health Deputy Minister I Datuk Dr Noor Azmi Ghazali.

"No salam (hand shake) and other forms of body contact, but today I see the fist bump has become a trend. Some people even embrace each other."

"The ministry prefers placing the hand on one's chest and bowing the head slightly as a respectful gesture of greeting," he said during a question-and-answer session at the Dewan Negara sitting here yesterday.

Senator Lim Pay Hen had earlier asked about the government's plans in tackling the pandemic, including the appointment of medical officers, as scientists had predicted that it would go on for two more years.

"We will continue to monitor this pandemic as we don't fully know the disease yet; the weapons we have currently in fighting the disease are the face mask, hand sanitiser and physical distancing," said Dr Noor Azmi.

He noted that Malaysia, however, had proven to be among the countries able to manage and control this infectious disease well to the extent of gaining world recognition.

On the Covid-19 swab test, Dr Noor Azmi said that so far, it was only conducted on individuals with symptoms or were at high risk.

Currently, there were no plans to provide the service for free and periodically to school teachers, he added.

— Bernama

## 35 students and 10 teachers under home quarantine

By IMRAN HILMY  
 imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: A total of 35 students and 10 teachers who had been in close contact with an infected student at a secondary school here have been instructed by the state Health Department to undergo self-quarantine at home.

Honorary secretary to Heng Ee High School board of directors Datuk Goh Boon Poh said there was no instruction from the authorities to close the school.

"We are still open as usual, and parents and students should not panic as the Health Department is doing its best to contain the spread of Covid-19," he said yesterday.

Confirming that one student had been infected, Goh said the Health Department conducted a sanitisation exercise at the school on Monday.

"They came three times and conducted the operation into the night," he said.

He added that the school also carried out its own sanitisation in

the compound.

"Even some of our ex-students helped with the sanitisation exercise," he said.

Goh praised the Health Department for its quick response in containing the outbreak at the school.

It is learnt that the infected student is related to the 89-year-old patient who was diagnosed with severe acute respiratory infection at a private hospital in Penang on Saturday.

State health director Dr Asmayani Khalib urged the public to always

adhere to standard operating procedure.

"For positive contact tracing, the district health department will conduct a risk assessment and will issue the necessary advice to those affected," she said.

Meanwhile, Penang health committee chairman Dr Norlela Ariffin has been admitted to a private hospital after she was diagnosed with pneumonia.

Norlela, who is also the Penanti assemblywoman, tested negative for Covid-19.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## MO infects seven family members

**PETALING JAYA:** The failure of one medical officer to fully comply with standard operating procedures (SOP) has resulted in the spread of Covid-19 to seven of his family members. The man tested positive for Covid-19 yesterday.

The medical officer, who comes under the Sungai Cluster, is one of the 100 new positive Covid-19 cases reported yesterday.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah has strongly urged medical and government personnel on the frontlines to adhere to the SOP issued under the recovery movement control order.

To date, a total of 96 clusters in the country have ended but another 10 remain active.

"Many Malaysians, especially the frontliners, have taken the Health Ministry's advice lightly in either private or government medical facilities," Noor Hisham said during a press conference yesterday.

"It is vital to observe full compliance to stop the virus from spreading to the community. Failure to comply (with the SOP) will lead to an outbreak of the virus."

He added border control had been tightened since yesterday to prevent new cases from high-risk countries.

"The immigration has tightened control on the entry of citizens from 23 countries. Their entry will depend on the Long-Term Visit Pass and is applicable to citizens from countries which have recorded a total of 150,000 Covid-19 cases or more.

"The ministry will continue with the risk assessment of countries worldwide, with the latest list of countries facing restrictions to be updated from time to time," he added. — **by Alisha Nur Mohd Noor**

# Sharp hike in cases, 100 new infections recorded

► Sabah hardest hit with 62 patients, 23 from Perlis and Kedah and 15 imported cases

■ BY **ALISHA NUR MOHD NOOR**  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** A sharp increase in positive Covid-19 cases was reported yesterday with 100 cases detected. The spike took the total number of cases in the country to 9,559.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the 100 cases,

Benteng Lahad Datu (LD) recorded the highest number with 62 cases. The Lahad Datu district in Sabah has been declared a red zone.

A total of 128 cases have been recorded in the Benteng LD cluster involving two Lahad Datu and Tawau districts.

"Of the 100 new cases, 85 are through local transmission involving 55 Malaysians and 30 foreigners. The remaining 15 are imported cases involving two Malaysians and the rest are foreigners," he said during a media briefing yesterday.

"As for local transmission, 62 are cases from the Benteng LD cluster in Sabah which involved 37 detainees in Lahad Datu district police headquarters and 25 detainees in Tawau prison."

He said the remaining 23 new cases yesterday were from the Sungai cluster, which were detected in Perlis and Kedah.

"From the Sungai cluster, 22 were reported in Kedah and one in Perlis. They comprised 16 medical workers and seven of their family members," he said.

The imported cases are from India (11), Indonesia (two), the Philippines (one) and Pakistan (one).

As of noon yesterday, 12 patients had been discharged, bringing the total number of recoveries to 9,136.

Seven patients are in the intensive care units with four requiring ventilator support.

No death was reported yesterday with the toll still at 128.